




# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 322

AKTA PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI  
(SYARIKAT PENGGANTI) 1985



Beta bersetuju

A stylized signature of the Yang di-Pertuan Agong, consisting of several thick, horizontal strokes.

.....  
*Yang di-Pertuan Agong*

- 6 SEP 1985  
.....hb Ogos 1985

## Akta 322

**AKTA PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI  
(SYARIKAT PENGGANTI) 1985**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi meletakkan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

( )

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANGUNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**BAHAGIANI****PERMULAAN**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

Tafsiran.

"Perbadanan" ertinya Menteri Kewangan yang diperbadankan oleh Ordinan Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957;

Ord. 46/57.

"syarikat pengganti" ertinya syarikat yang kepadanya dipindahkan di bawah seksyen 3 semua harta, hak dan liabiliti berkenaan dengan perkhidmatan telekomunikasi, selain daripada tanah-tanah terkecuali dan harta ditetapkan, yang kepadanya Kerajaan Malaysia berhak atau tertakluk;

"tarikh pemindahan" ertinya tarikh apabila dipindahkan kepada syarikat pengganti semua harta, hak dan liabiliti tertentu berkenaan dengan perkhidmatan telekomunikasi, selain daripada tanah-tanah terkecuali dan harta ditetapkan, yang kepadanya Kerajaan Malaysia berhak atau tertakluk.

BAHAGIAN II  
MELETAKHAK HARTA, DLL. PADA SYARIKAT  
PENGGANTI

Meletakhlak  
harta dll,  
Kerajaan  
Malaysia  
berhubu-  
ngan  
dengan  
perkhidmatan  
telekomunikasi  
pada  
syarikat  
pengganti.

3. (1) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam Warta, menetapkan suatu tarikh pemindahan dan pada tarikh itu, semua harta, hak dan liabiliti berkenaan dengan perkhidmatan telekomunikasi, selain daripada tanah-tanah terkecuali dan harta ditetapkan, yang kepadanya Kerajaan Malaysia berhak atau tertakluk sebelum sahaja tarikh itu, hendaklah menjadi, menurut kuasa seksyen ini, harta, hak-hak dan liabiliti syarikat pengganti.

(2) Dalam seksyen ini, "tanah-tanah terkecuali" ertinya tanah-tanah yang terletak di luar kawasan mana-mana Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan oleh undang-undang dan yang mana

(a) adalah tanah Kerajaan yang diberimilik oleh sesuatu Negeri kepada Persekutuan bagi maksud-maksud persekutuan, tanah yang diberimilik oleh sesuatu Negeri kepada Persekutuan selepas pengambilan paksa atau tanah berimilik yang diambil oleh sesuatu Negeri daripada seorang tuan punya persendirian dengan persetujuan untuk Persekutuan, di bawah Perkara 83 Perlembagaan;

PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI 5  
(SYARIKAT PENGGANTI)

- (b) adalah dirizabkan bagi maksud-maksud persekutuan di bawah Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah, Sabah, Kanun Tanah. Sarawak, atau mana-mana undang-undang tanah sebelumnya dan tanah di Negeri-Negeri dalam Malaysia Barat, selain daripada Melaka dan Pulau Pinang, yang dianggap sebagai dirizabkan bagi maksud-maksud persekutuan di bawah Perkara 166 (4) Perlembagaan; Akta 56/65. Sabah Bab 68. Sarawak Bab 81.
- (c) di Melaka dan Pulau Pinang, adalah diduduki bagi maksud-maksud persekutuan pada Hari Merdeka menurut kuasa Perkara 166 (3) Perlembagaan; dan
- (d) di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, adalah diduduki bagi maksud-maksud persekutuan pada Hari Malaysia di bawah seksyen 75 Akta Malaysia 1963. Akta 26/63.

(3) Dalam seksyen ini, "harta ditetapkan" ertinya harta: dan: apa-apa perihalan, sama ada harta alih atau tak alih, yang Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengisytiharkan sebagai perlu untuk disimpan oleh Kerajaan Malaysia bagi maksud menjalankan tugas dan melaksanakan fungsi Ketua Pengarah Jabatan Telekom, Malaysia di bawah Akta Telekomunikasi 1950. Akta 20

- (4) Bagi mengelakkan keraguan
- (a) apa-apa sebutan mengenai harta berkenaan dengan perkhidmatan telekomunikasi yang kepadanya Kerajaan Malaysia berhak adalah sebutan mengenai tanah, harta selain daripada tanah-tanah terkecuali dan harta ditetapkan dan hak-hak dalam tindakan kepunyaan Kerajaan Malaysia sama ada terletak di Malaysia atau di tempat lain; dan
- (b) apa-apa sebutan mengenai hak-hak dan liabiliti-liabiliti mengenai perkhidmatan telekomunikasi yang kepadanya Kerajaan Malaysia berhak atau tertakluk adalah sebutan mengenai hak-hak yang kepadanya Kerajaan Malaysia berhak atau, mengikut mana yang berkenaan, liabiliti-liabiliti yang kepadanya Kerajaan

Malaysia tertakluk, sama ada di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana negeri di luar Malaysia dan termasuklah hak-hak dan liabiliti-liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana pinjaman bagi perkhidmatan telekomunikasi.

(5) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang dipindahkan oleh subseksyen (1) kepada syarikat pengganti boleh, selepas tarikh pemindahan, dituntut, didapatkan kembali atau dikuatkuasakan oleh syarikat itu dalam namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi syarikat itu atau bagi Kerajaan Malaysia memberi notis kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu tentang pemindahan yang dilakukan oleh subseksyen itu.

(6) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang dipindahkan oleh subseksyen (1) kepada syarikat pengganti boleh, pada dan selepas tarikh pemindahan, dituntut, didapatkan kembali atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap syarikat itu dalam namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi syarikat itu atau bagi Kerajaan Malaysia memberi notis kepada orang yang hak atau liabilitinya dipindahkan oleh seksyen ini tentang pemindahan itu.

(7) Dalam hal hak-hak dan liabiliti-liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana pinjaman yang terletak pada syarikat pada tarikh pemindahan, syarikat itu boleh membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian mengenai hak-hak dan liabiliti-liabiliti tersebut dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak ketiga.

Pelupusan  
tanah

4. (1) Bagi mengelakkan keraguan, jika apa-apa kepentingan mengenai tanah terletak pada Persekutuan bagi maksud-maksud telekomunikasi, adalah sah bagi Persekutuan, menurut Perkara 86 Perlembagaan, memberikan

(a) dalam hal sesuatu kepentingan mengenai tanah di Malaysia Barat, pajakan atas tanah itu bagi sesuatu tempoh yang tidak melebihi sembilan puluh sembilan tahun atau, dalam hal tanah yang dipegang di bawah pajakan Negeri atau pajakan Mukim, bagi sesuatu tempoh yang tidak melebihi baki tempoh pajakan itu; dan

PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

7

(SYARIKAT PENGGANTI)

- (b) dalam hal sesuatu kepentingan mengenai tanah di Sabah atau Sarawak, sub-pajakan menurut peruntukan-peruntukan Ordinan Tanah, Sabah atau Kanun Tanah, Sarawak, mengikut mana yang berkenaan,

kepada syarikat pengganti bagi maksud perkhidmatan telekomunikasi yang hendaklah dinyatakan dalam terma-terma pajakan atau sub-pajakan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) (a), "pajakan" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kanun Tanah Negara, dan bagi maksud subseksyen (1) (b), "sub-pajakan" hendaklah mempunyai erti yang terpakai baginya di bawah Ordinan Tanah, Sabah atau Kanun Tanah, Sarawak, mengikut mana yang berkenaan.

5. (1) Sebagai akibat daripada letakhak pada syarikat pengganti menurut kuasa seksyen 3 akan semua harta, hak dan liabiliti berkenaan dengan perkhidmatan telekomunikasi, selain daripada tanah4tanah terkecuali dan harta ditetapkan, yang kepadanya Kerajaan Malaysia berhak atau tertakluk, syarikat pengganti hendaklah menerbitkan sekuriti-sekuriti syarikat Au sebagaimana yang Menteri Kewangan dari semasa ke semasa mengarahkan

Pemegangan permulaan Kerajaan dalam syarikat pengganti.

(a) kepada Perbadanan; atau

(b) kepada mana-mana orang yang berhak menghendaki supaya diterbitkan sekuriti-sekuriti itu berikutan pengumpulan permulaannya kepada Perbadanan.

(2) Menteri Kewangan tidak boleh memberi arahan di bawah subseksyen (1) pada ketika syarikat pengganti telah berhenti daripada dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

(3) Sekuriti-sekuriti yang dikehendaki supaya diterbitkan menurut seksyen ini hendaklah diterbitkan atau diumpukkan pada masa dan atas terma-terma tentang pengumpulan sebagaimana yang Menteri Kewangan arahkan.

(4) Syer-syer yang diterbitkan menurut seksyen ini

(a) hendaklah mempunyai nilai nominal sebagaimana yang Menteri Kewangan arahkan; dan

Akta 125.

(b) hendaklah diterbitkan sebagai dibayar penuh dan dianggap bagi maksud-maksud Akta Syarikat 1965 seolah-olah ianya telah dibayar oleh sebab pembayaran nilai nominalnya kepada syarikat pengganti.

(5) Menteri Kewangan boleh melupuskan apa-apa sekuriti yang diterbitkan atau apa-apa hak kepada sekuriti-sekuriti yang diumpukkan pada mulanya kepada Perbadanan menurut seksyen ini.

(6) Apa-apa dividen atau lain-lain jumlah wang yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak daripada, atau apabila dilupuskan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Pelaburan  
Kerajaan  
dalam  
sekuriti-  
sekuriti  
syarikat  
pengganti.

6. (1) Menteri Kewangan boleh pada bila-bila masa, memperolehi

(a) sekuriti-sekuriti syarikat pengganti atau manamana subsidiari syarikat pengganti; atau

(b) hak-hak untuk melanggan apa-apa sekuriti yang sedemikian itu.

(2) Menteri Kewangan boleh melupuskan apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi di bawah seksyen ini.

Akta 61.

(3) Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Menteri Kewangan sebagai akibat daripada peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah dianggap sebagai pelaburan dan dibenarkan di bawah seksyen 8 (3) (a) (iv) Akta Prosedur Kewangan 1957.

(4) Apa-apa dividen atau lain-lain jumlah wang yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak daripada, atau apabila dilupuskan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(SYARIKAT PENGGANTA

(5) Duti setem tidak boleh dikenakan berkenaan dengan apa-apa pertambahan modal syarikat pengganti yang

- (a) dilakukan dengan penerbitan syer-syer yang diumpukkan pada ketika syarikat pengganti dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan; dan
- (b) diperakui oleh Perbendaharaan sebagai telah dilakukan dengan penerbitan syer-syer yang dilanggan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen (1) (a).

7. (1) Menteri Kewangan boleh melantik orang-orang sebagaimana dia fikirkan layak untuk bertindak sebagai penamanya bagi maksud-maksud seksyen 5 atau 6 dan

Penjalanan fungsi-fungsi Menteri Kewangan melalui penama-penama.

- (a) sekuriti-sekuriti syarikat pengganti boleh diserahkan di bawah seksyen 5 kepada manamana penama Menteri Kewangan yang dilantik bagi maksud-maksud seksyen itu atau kepada mana-mana orang yang berhak menghendaki supaya diterbitkan sekuriti-sekuriti itu berikutan pengumpulan permulaannya kepada mana-mana penama tersebut; dan
- (b) mana-mana penama tersebut yang dilantik bagi maksud-maksud seksyen 6 boleh memperolehi sekuriti-sekuriti atau hak-hak menurut seksyen itu.

(2) Mana-mana orang yang memegang apa-apa sekuriti atau hak sebagai penama Menteri Kewangan menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah memegang dan mengurusnya atas terma-terma dan dengan cara yang Menteri Kewangan arahkan.

8. (1) Jika Menteri Kewangan mengarahkan sedemikian pada bila-bila masa sebelum syarikat pengganti berhenti daripada dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan, sejumlah wang, tidak melebihi untung kehasilan terkumpul Jabatan Telekom, Malaysia, sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu, hendaklah dibawa oleh syarikat pengganti kepada suatu rizab, yang dalam seksyen ini disebut sebagai "rizab statutori".

Struktur kewangan syarikat pengganti.

(2) Rizab statutori itu hanya boleh digunakan oleh syarikat pengganti untuk membayar syer-syer belum terbit syarikat itu yang akan diumpukkan kepada anggota-anggota syarikat itu sebagai syer-syer bonus dibayar penuh.

(3) Bagi maksud-maksud apa-apa akaun statutori syarikat pengganti

(a) letakhak yang dilakukan menurut kuasa seksyen 3 hendaklah dianggap sebagai letakhak akan semua harta, hak dan liabiliti, selain daripada tanah-tanah terkecuali dan harta ditetapkan, yang kepadanya Jabatan Telekom, Malaysia, berhak atau tertakluk sebelum sahaja penghujung tahun perakaunan genap terakhir Jabatan Telekom, Malaysia, yang berakhir sebelum tarikh pemindahan dan sebagai telah dilakukan selepas sahaja penghujung tahun itu; dan

(b) nilai apa-apa aset dan amaun apa-apa liabiliti Jabatan Telekom, Malaysia, yang dianggap sebagai telah diletakhak pada syarikat pengganti menurut kuasa perenggan (a) hendaklah dianggap sebagai nilai atau, mengikut mana yang berkenaan, amaun yang diuntukkan kepada aset atau liabiliti itu bagi maksudmaksud penyata akaun yang bersamaan yang disediakan oleh Jabatan Telekom, Malaysia berkenaan dengan tahun itu.

(4) Bagi maksud-maksud apa-apa akaun statutori syarikat pengganti, amaun yang hendak dimasukkan berkenaan dengan mana-mana butiran hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa jua yang dilakukan oleh Jabatan Telekom, Malaysia, sama ada secara memperolehi, menilai semula atau melupuskan apa-apa aset atau menanggung, menilai semula atau menyelesaikan apa-apa liabiliti, atau membawa apa-apa amaun kepada apa-apa peruntukan untuk rizab, atau selainnya, telah dilakukan oleh syarikat pengganti.

(5) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan subseksyen (4), amaun yang hendak dimasukkan dari semasa ke semasa dalam mana-mana rizab syarikat pengganti sebagai merupakan untung kehasilan terkumpulnya hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa

**PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI      11**  
**(SYARIKAT PENGGANTI)**

untung yang dihasilkan dan disimpan oleh Jabatan Telekom, Malaysia, telah dihasilkan dan disimpan oleh syarikat pengganti.

(6) Sebutan-sebutan dalam seksyen ini mengenai akaun statutori syarikat pengganti adalah sebutansebutan mengenai apa-apa akaun yang disediakan oleh syarikat pengganti bagi maksud-maksud mana-mana peruntukan Akta Syarikat 1965.

(7) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "tahun perakaunan genap" ertinya sesuatu tahun perakaunan yang berakhir pada 31hb Disember.


**BAHAGIAN III**

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN  
DENGAN KAKITANGAN**

9. (1) Syarikat pengganti hendaklah menerima ke dalam penggajiannya pada tarikh pemindahan tiaptiap orang yang, sebelum sahaja tarikh pemindahan, adalah anggota kakitangan Jabatan Telekom, Malaysia, dan yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan Malaysia dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat itu.

Kakitangan.

(2) Tiap-tiap orang sedemikian yang memilih di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah digaji oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja tarikh pemindahan.



# LAWS OF MALAYSIA

Act 322

TELECOMMUNICATION SERVICES (SUCCESSOR  
COMPANY) ACT 1985

**LAWS OF MALAYSIA**

**Act 322**

**TELECOMMUNICATION SERVICES  
(SUCCESSOR COMPANY) ACT 1985**

An Act to provide for the vesting of property, rights and liabilities of the Government of Malaysia relating to telecommunication services in a company, to make financial arrangements for that company, to provide for matters relating to staff and for other matters connected therewith.

[ ]

BEIT ENACTED by the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows:

**PART I**

**PRELIMINARY**

1. This Act may be cited as the Telecommunication Services (Successor Company) Act 1985 and shall come into force on such date as the Minister may, by notification in the *Gazette*, appoint.

Short title and commencement.

2. In this Act, unless the context otherwise requires

Interpretation.

"Corporation" means the Minister of Finance incorporated by the Minister of Finance (Incorporation) Ordinance 1957;

Ord.  
46/57.

"successor company" means the company to which all property, rights and liabilities in respect of telecommunication services, other than excepted lands and designated property, to which the Government of Malaysia was entitled or subject to, are transferred to under section 3;

"transfer date" means the date on which all property, rights and liabilities in respect of telecommunication services, other than excepted lands and designated property, to which the Government of Malaysia was entitled or subject to, are transferred to the successor company.

PART II  
VESTING OF PROPERTY, ETC., IN SUCCESSOR  
COMPANY

Vesting of property, etc., of the Government of Malaysia relating to telecommunication services in the successor company.

3. (1) The Minister may, by order published in the Gazette, appoint a transfer date and on such date, all property, rights and liabilities in respect of telecommunication services, other than excepted lands and designated property, to which the Government of Malaysia was entitled or subject to, immediately before that date shall become by virtue of this section property, rights and liabilities of the successor company.

(2) In this section, "excepted lands" means lands situated outside the area of any Federal Territory established by law and which

(a) are State land alienated by a State to the Federation for federal purposes, land alienated by a State to the Federation after compulsory acquisition or alienated land acquired by a State from a private owner by agreement for the Federation, under Article 83 of the Constitution;

Act 56/65.  
Sabah Cap.  
68. Sarawak  
Cap. 81.

(b) are reserved for federal purposes under the National Land Code, the Land Ordinance of Sabah, the Land Code of Sarawak or any previous land law and land in the States, other than Malacca and Penang, in West Malaysia treated as reserved for federal purposes under Article 166 (4) of the Constitution;

(c) in Malacca and Penang are occupied for federal purposes on Merdeka Day by virtue of Article 166 (3) of the Constitution; and

Act 26/63,

(d) in the States of Sabah and Sarawak are occupied for federal purposes on Malaysia Day under section 75 of the Malaysia Act 1963.

## TELECOMMUNICATION SERVICES (SUCCESSOR COMPANY) 5

(3) In this section, "designated property" means property of any description, whether movable or immovable, which the Minister may, by order published in the Gazette, declare as necessary to be retained by the Government of Malaysia for the exercise of the duties and performance of the functions of the Director General of the Telecommunication Department, Malaysia under the Telecommunications Act 1950.

Act 20

(4) For the avoidance of doubt

- (a) any reference to property in respect of telecommunication services to which the Government of Malaysia was entitled to, is a reference to land, property other than excepted lands and designated property, and choses-in-action of the Government of Malaysia whether situated in Malaysia or elsewhere; and
- (b) any reference to rights and liabilities in respect of telecommunication services to which the Government of Malaysia was entitled or subject to, is a reference to rights which the Government of Malaysia is entitled or, as the case may be, liabilities to which the Government of Malaysia is subject to, whether under the laws of Malaysia or any country outside Malaysia and includes rights and liabilities arising under loans raised for telecommunication services.

(5) Every chose-in-action transferred by subsection (1) to the successor company may, after the transfer date, be sued on, recovered or enforced by the company in its own name and it shall not be necessary for the company or the Government of Malaysia to give notice to the person bound by the chose-in-action of the transfer effected by the subsection.

(6) Every right and liability transferred by subsection (1) to the successor company may, on and after the transfer date, be sued on, recovered or enforced by or against the company in its own name and it shall not be necessary for the company or the Government of Malaysia to give notice to the person whose right or liability is transferred by this section of such transfer.

(7) In the case of rights and liabilities arising under any loans which vest in the company on the transfer date, the company may enter into such arrangements or agreements over such rights and liabilities with the Government of Malaysia or any third party.

Disposal  
of land

4. (1) For the avoidance of doubt, where any interest in land is vested in the Federation for telecommunication purposes, it shall be lawful for the Federation, pursuant to Article 86 of the Constitution, to grant

(a) in the case of an interest in land in West Malaysia, a lease of such land for a period not exceeding ninety-nine years, or, in the case of land held under a State lease or a Mukim lease, for a period not exceeding the residue of the term of such lease; and

(b) in the case of an interest in land in Sabah or Sarawak, a sub-lease in accordance with the provisions of the Land Ordinance of Sabah or the Land Code of Sarawak, as the case may be,

to the successor company for the purpose of telecommunication services to be specified in the terms of the lease or sub-lease.

(2) For the purpose of subsection (1) (a), "lease" shall have the meaning assigned thereto in the National Land Code and for the purpose of subsection (1) (b), "sub-lease" shall have the meaning applicable thereto under the Land Ordinance of Sabah or the Land Code of Sarawak, as the case may be.

Initial  
Government  
holding in the  
successor  
company.

5. (1) As a consequence of the vesting in the successor company by virtue of section 3 of all property, rights and liabilities in respect of telecommunication services, other than excepted lands and designated property, to which the Government of Malaysia was entitled or subject to, the successor company shall issue such securities of the company as the Minister of Finance may from time to time direct

(a) to the Corporation; or

(b) to any person entitled to require the issue of the securities following their initial allotment to the Corporation.

**TELECOMMUNICATION SERVICES (SUCCESSOR 7  
COMPANY)**

(2) The Minister of Finance shall not give a direction under subsection (1) at a time when the successor company has ceased to be wholly owned by the Government of Malaysia.

(3) Securities required to be issued in pursuance of this section shall be issued or allotted at such time and on such terms, as to allotment, as the Minister of Finance may direct.

(4) Shares issued in pursuance of this section

(a) shall be of such nominal value as the Minister of Finance may direct; and

(b) shall be issued as fully paid and treated for the purposes of the Companies Act 1965 as if they had been paid up by virtue of the payment to the successor company of their nominal value.

Act 125.

(5) The Minister of Finance may dispose of any securities issued or of any rights to securities initially allotted to the Corporation in pursuance of this section.

(6) Any dividends or other sums received by the Corporation in right of or on the disposal of any securities or rights acquired by virtue of this section shall be paid into the Consolidated Fund.

6. (1) The Minister of Finance may, at any time, acquire

(a) securities of the successor company or of any subsidiary of the successor company; or

(b) rights to subscribe for any such securities.

Government investment in securities of the successor company.

(2) The Minister of Finance may dispose of any securities or rights acquired under this section.

(3) Any expenses incurred by the Minister of Finance in consequence of the provisions of this section shall be treated as investments and be authorised under section 8 (3) (a) (iv) of the Financial Procedure Act 1957.

Act 61.

(4) Any dividends or other sums received by the Corporation in right of, or on the disposal of, any securities or rights acquired under this section shall be paid into the Consolidated Fund.

(5) Stamp duty shall not be chargeable in respect of any increase in the capital of the successor company which

(a) is effected by the issue of shares allotted at a time when the successor company was wholly owned by the Government; and

(b) is certified by the Treasury as having been effected by the issue of shares subscribed for by the Minister of Finance under subsection (1)

(a).

Exercise of  
Minister of  
Finance's  
functions  
through  
nominees.

7. (1) The Minister of Finance may appoint such persons as he thinks fit to act as his nominees for the purposes of section 5 or 6 and

(a) securities of the successor company may be assigned under section 5 to any nominee of the Minister of Finance appointed for the purposes of that section or to any person entitled to require the issue of the securities following their initial allotment to any such nominee; and

(b) any such nominee appointed for the purposes of section 6 may acquire securities or rights in accordance with that section.

(2) Any person holding any securities or rights as a nominee of the Minister of Finance by virtue of subsection (1) shall hold and deal with them on such terms and in such manner as the Minister of Finance may direct.

Financial  
structure of  
the  
successor  
company.

8. (1) If the Minister of Finance so directs at any time before the successor company ceases to be wholly owned by the Government such sum, not exceeding the accumulated realised profits of the Telecommunication Department, Malaysia, as may be specified in the direction shall be carried by the successor company to a reserve, which in this section is referred to as "the statutory reserve".

(2) The statutory reserve may only be applied by the successor company in paying up unissued shares of the company to be allotted to members of the company as fully-paid bonus shares.

TELECOMMUNICATION SERVICES (SUCCESSOR 9  
COMPANY)

(3) For the purposes of any statutory accounts of the successor company

(a) the vesting effected by virtue of section 3 shall be taken to have been a vesting of all property, rights and liabilities, other than the excepted lands and designated property, to which the Telecommunication Department, Malaysia, was entitled or subject to immediately before the end of the last complete accounting year of the Telecommunication Department, Malaysia, ending before the transfer date and to have been effected immediately after the end of that year; and

(b) the value of any asset and the amount of any liability of the Telecommunication Department, Malaysia, taken to have been vested in the successor company by virtue of paragraph (a) shall be taken to be the value or, as the case may be, the amount assigned to that asset or liability for the purposes of the corresponding statement of accounts prepared by the Telecommunication Department, Malaysia, in respect of that year.

(4) For the purposes of any statutory accounts of the successor company, the amount to be included in respect of any item shall be determined as if anything done by the Telecommunication Department, Malaysia, whether by way of acquiring, revaluing or disposing of any asset or incurring, revaluing or discharging any liability, or by carrying any amount to any provision of reserve, or otherwise had been done by the successor company.

(5) Without prejudice to the generality of the provision of subsection (4) the amount to be included from time to time in any reserves of the successor company as representing its accumulated realised profits shall be determined as if any profits realised and retained by the Telecommunication Department, Malaysia, had been realised and retained by the successor company.

(Pt. II-III, S. 8-9)

10

ACT 322

(6) References in this section to the statutory accounts of the successor company are references to any accounts prepared by the successor company for the purposes of any provision of the Companies Act 1965.

(7) For the purposes of this section, "complete accounting year" means an accounting year ending with 31st December.

### PART III

#### PROVISIONS RELATING TO STAFF

staff.

9. (1) The successor company shall accept into its employment on the transfer date every person who immediately before the transfer date is a member of the staff of the Telecommunication Department, Malaysia, and who was given an option by the Government of Malaysia and has opted to serve as an employee of such company.

(2) Every such person who opts under subsection (1) to serve as an employee of the successor company shall be employed by such company on terms and conditions of service not less favourable than the terms and conditions of service to which he was entitled to immediately before the transfer date.